

Pemberian RM100 tambahan kepada STR bernilai RM13b

UTUSAN MALAYSIA 25 JUL 2025

m/s: 3

Oleh HAFIZ SAIDINA

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua pihak agar tidak mereehkan pemberian kerajaan RM100 secara *one-off* di bawah program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang diumumkan dalam Penghargaan Untuk Rakyat Malaysia, kelmarin.

Perdana Menteri berkata, pemberian itu bukan satu jumlah yang kecil, meskipun ada pihak memandang ringan bantuan RM100 dengan alasan tidak mencukupi untuk menampung keperluan.

“Dengar beberapa ahli Parlimen pembangkang kata RM100 sahaja. Dia (pembangkang) tak baca. Bila saya sebut rabun mata, dia marah.

“Tak apalah singgung, dunia politik itu tak apalah. Mereka kata RM100 sahaja. Bagi kamu RM100 tidak ada apa-apa sebab kamu gaji RM20,000 sebulan, RM40,000 sebulan. Tapi saya tahu kalau kita pergi ke kampung, ada (yang memerlukan bantuan).

“Jangan remehkan RM100 sahaja. Ini tambahan daripada RM13 bilion jadi RM15 bilion untuk tahun ini bagi STR (Sumbangan Tunai Rahmah) dan SARA.

“Kemudian macam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Jadi ini semua tambahan daripada (kerajaan) yang telah dilaksanakan,” katanya dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan kakitangan Kementerian Kewangan pada Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama warga kementerian itu di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pemberian itu menyaksikan jumlah bantuan kepada rakyat meningkat daripada RM13 bilion kepada RM15 bilion.

Beliau berkata, penerima yang sudah mendapat bantuan akan menerima tambahan sekiranya mempunyai anak berusia 18 tahun ke atas sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan bertambah.

Selain itu, Anwar berkata, walaupun harga minyak dunia sudah naik, kerajaan tetap menurunkan harga petrol di negara ini, namun orang asing akan mengikut harga pasaran.

“Itu yang kita akan tetapkan kemudian. Ada juga yang Ketua Parti Pembangkang sebut pasal apa nak bebankan mereka. Saya

rasa aneh.

“Bukan kita dera mereka. Bukan kita rampas hak dia. Ini subsidi (rakyat),” katanya mempersoalkan sikap pembangkang tidak tegas dalam menangani isu rasuah dan penyelewengan hingga sanggup mempertahankan individu terlibat.

Tegas Perdana Menteri, amalan pembaziran dan penyelewengan yang telah menjadi budaya mesti dihentikan segera.

“Kita kena hentikan amalan boros dan sakau yang menjadi budaya kita. Sebab itu, kalau kita lihat dalam kalangan pembangkang tak banyak bicara soal rasuah. Hairan, kalau saya dulu masih pembangkang, (menentang) rasuah itu nombor satu.

“Sekarang, apabila kita men-

gambil tindakan terhadap kes rasuah, ada pula yang bersimpati dengan alasan pelaku sudah tua atau telah tiada. Kita bukan nak hukum orang mati, kita nak ambil balik duit yang dia ambil itu dengan cara tidak sah, tapi kita boleh senang, tak ada apa-apa serta tidak ada kesan.

“Maknanya pembangkang guna ruang Parlimen untuk mempertahankan orang yang memunggang kekayaan berbilion-bilion dolar yang tidak tahu meniaga apa,” katanya.

Ditanya kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak mahu diberi sebarang imuniti dan didakwa di mahkamah berhubung isu kedaulatan Batu Putih, Perdana Menteri berkata: “Biarlah dia.”